

## ANALISIS PENERAPAN ELEMEN KEIMANAN DAN KETAKWAAN DALAM PEMBANGUNAN DIRI BADIUZZAMAN SAID NURSI

### AN ANALYSIS OF THE APPLICATION OF THE ELEMENTS OF FAITH AND PIETY IN BEDIUZZAMAN SAID NURSI'S SELF-DEVELOPMENT

Norullisza Khosim<sup>1\*</sup>  
Mohd Shukri Hanapi<sup>2\*\*</sup>  
Ahmad Luqman Ayob<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: norulliszakhosim@usim.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Penang, Malaysia. (E-mail: hshukri@usm.my)

<sup>3</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Penang, Malaysia. (E-mail: luqmanayob@student.usm.my)

\*Corresponding author: norulliszakhosim@usim.edu.my

\*\*Co-author: hshukri@usm.my

#### Article history

Received date : 12-5-2025

Revised date : 12-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

#### To cite this document:

Khosim, N., Hanapi, M. S. & Ayob, A. L. (2025). Analisis penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam pembangunan diri Badiuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 299 - 308.

**Abstrak:** Badiuzzaman Said Nursi adalah seorang tokoh yang sangat dikenali, baik dalam kalangan masyarakat Turki mahupun di peringkat antarabangsa. Bukan sahaja dikenali ketika di zamannya, malah sehingga kini turut dikenali atas sumbangannya dalam pembangunan diri dan masyarakat yang tersebar luas menerusi kitab *Kulliyat Rasa'il al-Nur* atau dikenali sebagai *Risalah al-Nur*. Dalam membangun diri dan masyarakat, antara elemen yang diterapkan ialah keimanan dan ketakwaan. Keimanan dan ketakwaan merupakan antara asas penting dalam proses tersebut. Tanpa keduanya, kehidupan akan berhadapan dengan keruntuhan dan kepincangan. Lebih membimbangkan, elemen ini dilihat semakin dilupakan kerana memberi penekanan kepada aspek lain dalam proses pembangunan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan menganalisis penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam proses pembangunan diri Said Nursi. Kajian ini menetapkan dua objektif utama iaitu; pertama, mengenal pasti kepentingan elemen keimanan dan ketakwaan dalam pembangunan diri; kedua, menganalisis proses penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam diri Said Nursi. Pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan dengan penggunaan kaedah kajian dokumen, manakala bagi penganalisan data mengguna pakai kaedah analisis kandungan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa elemen keimanan dan ketakwaan merupakan asas penting dalam pembangunan diri setiap insan bagi mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi. Penerapan elemen ini juga perlu dilakukan bermula seawal usia, dan diperkasa sepanjang kehidupan. Dalam masa yang sama, proses penerapan elemen ini menuntut ta'awun (kerjasama) bukan sahaja daripada kedua ibu bapa, bahkan daripada institusi-institusi lainnya.

**Kata Kunci:** *Keimanan dan Ketakwaan, Badiuzzaman Said Nursi, Pembangunan Diri, Pembangunan Insan, Penerapan dan Pemerkasaan.*

**Abstract:** *Bediuzzaman Said Nursi is a prominent and influential figure, recognized not only within Turkish society but also internationally. His legacy transcends his time, as he is widely celebrated for his contributions to personal and societal development, encapsulated in his magnum opus, *Risale-i Nur*. In promoting self and societal development process, Nursi emphasized two fundamental elements: faith (iman) and piety (taqwa). These elements are essentials for the development process and their absence risk leading to collapse and disruption. However, concerns have arisen about these principles being increasingly overlooked due to the prioritization of other aspects of development. Therefore, this study aims to analyze the implementation of these elements in Nursi's approach to self development process. This study sets two main objectives namely; first, identifying the importance of faith and piety in self development; and second, analyzing the process of implementing these elements in Nursi self-development process. Data collection for this study was conducted using document analysis methods, while data analysis employed content analysis methods. The findings indicate that faith and piety are essential foundations for self development to achieve worldly and hereafter. The implementation of these elements should begin in early childhood and be continuously reinforced throughout life. Furthermore, the process requires collaboration (ta'awun) not only from parents, but also from various institutions.*

**Keywords:** *Faith and Peity, Bediuzzaman Said Nursi, Self Development, Human Development, Implementation and Empowerment.*

## Pengenalan

Dalam usaha membangun insan yang mampan, setiap aspek pembangunan insan (PI) harus diberi penekanan secara seimbang. Aspek-aspek tersebut merangkumi rohani, intelektual, emosi, jasmani dan sosial (Khosim, 2023). Salah satu aspek utama yang wajar diberi perhatian dalam mencapai pembangunan yang seimbang dan berteraskan Islam adalah aspek rohani. Walau bagaimanapun, aspek rohani sering kali dilupakan dalam penerapan dan penghayatannya kerana penekanan yang lebih diberikan kepada aspek-aspek lain (Jalil, 2014). Pandangan ini turut disokong oleh Abdullah et al. (2015) yang menegaskan bahawa masyarakat pada masa ini lebih cenderung memenuhi keperluan bersifat material semata-mata tanpa memberi perhatian sewajarnya kepada aspek rohani.

Aspek rohani merupakan elemen yang memperkukuh pegangan terhadap ajaran al-Quran dan al-Sunnah, serta berperanan dalam mengukuhkan kekuatan dalaman individu sepanjang hayat (Nursi, 2013c). Aspek ini menitik beratkan elemen keimanan dan ketakwaan dalam memastikan kejayaan pembangunan mampan. Tanpa elemen ini, pembangunan mampan tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana mengabaikan dimensi utama dalam meraih kecemerlangan duniawi dan ukhrawi. Lebih membimbangkan apabila ketiadaan elemen ini akan mengakibatkan hilangnya ketenangan dalam diri (Hassan & Hamzah, 2020). Justeru, elemen keimanan dan ketakwaan perlu dijadikan asas dalam memperkukuh keperibadian diri agar mampu menghadapi cabaran serta menghindarkan diri daripada pengaruh negatif yang boleh membawa kepada kemusnahan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Oleh itu, dalam memastikan kejayaan penerapan elemen ini, pelbagai pendekatan boleh diambil dan dilaksanakan. Kajian ini memfokuskan kepada tokoh terkenal iaitu Said Nursi, yang

merupakan seorang *mujaddid* dan mufasir yang menjadi model dalam aspek penerapan elemen ini. Tokoh ini dipilih berdasarkan latar belakang penekanan elemen ini sejak kecil melalui didikan kedua ibu bapa, yang kemudian diperkukuhkan lagi dengan usaha sendiri sehingga dewasa. Pemilihan tokoh ini diharap dapat menjadi panduan dan teladan dalam melaksanakan proses penerapan elemen keimanan dan ketakwaan secara berkesan.

### Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan serta justifikasi pemilihan tokoh Said Nursi, kajian ini menetapkan dua objektif utama yang ingin dicapai iaitu;

1. Mengenal pasti kepentingan elemen keimanan dan ketakwaan.
2. Menganalisis penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam kehidupan Said Nursi.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Perbincangan mengenai kepentingan elemen keimanan dan ketakwaan akan merujuk kepada beberapa ayat al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan serta huraianya merujuk kepada literatur-literatur yang muktabar dan berkaitan dengan topik perbincangan. Manakala, perbincangan berkaitan penerapan elemen ini dalam pembangunan diri Said Nursi akan merujuk kepada sejarah kisah hidup beliau seperti yang terkandung dalam jilid kitab *al-sirat al-dzatiyyat* daripada himpunan kitab *Kulliyat Rasa'il al-Nur* secara khusus serta pelbagai literatur yang terkait dengan topik yang dibincangkan.

### Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan beberapa subtopik utama iaitu tentang kepentingan penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam PI, serta analisis terhadap penerapan elemen ini dalam pembangunan diri Said Nursi. Perincian perbincangan tersebut adalah sebagaimana berikut.

#### Kepentingan Penerapan Elemen Keimanan dan Ketakwaan dalam Pembangunan Insan

Dari segi bahasa, kebanyakan ulama mendefinisikan Iman sebagai kepercayaan, manakala sebahagian lain mendefinisikanya sebagai pengakuan (Al-Qusayyir, 2016). Dari segi terminologi pula, Iman bermaksud menyakini dengan hati, mengucapkan dengan lisan dan melakukan dengan anggota badan. Iman juga bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan kemaksiatan (Al-Qusayyir, 2016; Al-Ahdal, 2023). Takwa pula merujuk kepada rasa takut yang mendalam kepada Allah SWT yang mendorong individu untuk mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Penekanan elemen keimanan dan ketakwaan ditegaskan dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam”.*

(Ali-'Imran, 3: 102)

Firman Allah SWT juga menekankan:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad SAW), dan juga kepada Kitab-Kitab suci yang telah diturunkan*

*dahulu daripada itu, dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah SWT, dan malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-Kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya, dan juga hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya”.*

(Al-Nisa', 4: 136)

Menerusi dua ayat yang dinyatakan, jelas menunjukkan kepentingan elemen keimanan dan ketakwaan dalam kehidupan insan. Dinyatakan di sini beberapa kepentingannya dalam PI. Pertama, elemen keimanan dan ketakwaan merupakan asas utama dalam pembentukan diri. Menurut Hamzah (2012) yang mengulas pandangan Sayyid Qutub menyatakan bahawa iman dan takwa adalah asas kepada pembentukan diri dan masyarakat. Tanpa elemen ini, insan akan berada dalam kejahilan.

Hal ini turut sama ditekankan oleh Jalil (2014) dengan menegaskan bahawa kewajipan terhadap aspek rohani harus dipenuhi kerana merupakan elemen penting dalam pembentukan diri untuk mencapai hakikat insani. Senada dengan perkara yang disebutkan, Abdullah et al. (2015) berpandangan bahawa elemen ini sangat penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi insan. Tambahan pula, menurut Jalal (2020), elemen ini penting dalam membantu perkembangan personaliti diri secara seimbang.

Kedua, elemen keimanan dan ketakwaan juga berperanan penting sebagai tonggak utama dalam menghadapi cabaran kehidupan semasa. Jalal (2020), menekankan bahawa tanpa keimanan dan ketakwaan, manusia mudah dikuasai oleh nafsu yang membawa kepada perpecahan dan kehancuran masyarakat. Perkara ini turut dijelaskan oleh Abdullah et al. (2015) dan (Hasan, W. H. W. & Hamzah, M. I. 2020) bahawa elemen ini merupakan aspek utama dan penting dalam mendepani isu-isu global dan teknologi tanpa sempadan yang mencabar generasi masa kini.

Justeru, dalam mendepani onak dan cabaran masa kini, insan perlu memilih jalan yang telah ditetapkan Allah SWT, iaitu dengan memperteguh diri dengan keimanan dan ketakwaan supaya setiap insan itu dapat sentiasa mencari jalan keluar daripada segala permasalahan yang dihadapi. Disebut dalam satu ayat al-Quran yang bermaksud:

*“... dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah SWT (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah SWT akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya...”*

(Al-Talaq, 65: 2-3)

Seterusnya yang ketiga, elemen ini juga berperanan membantu perubahan dalam tingkat pembangunan individu (Mohamad & Ahmad, 2013). Insan yang teguh iman dan takwanya akan membentuk aura positif dalam diri dan membantu masyarakat sekeliling memiliki aura positif yang sama (Jalal, 2020). Disebutkan dalam satu ayat al-Quran yang bermaksud:

*“... serta bertakwalah kamu kepada Allah SWT supaya kamu berjaya”*

(Al-Baqarat, 2:189)

Yang keempat, elemen keimanan dan ketakwaan penting dalam membantu memelihara diri daripada kemusnahan. Dengan keimanan yang kukuh, Allah SWT akan membantu hamba-Nya daripada tersesat jauh ke lembah kehinaan dengan memperlihatkan tipu daya syaitan dan dapat

membezakan antara yang benar, serta yang batil kepada mereka yang beriman dan bertakwa. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah SWT), maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar).”*

(Al-A‘raf, 7:201)

Firman Allah SWT dalam ayat lain, maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah SWT, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu, serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu...”*

(Al-Anfal, 8:29)

Nursi (2013b) menyatakan bahawa dengan keimanan dan rohani yang terpelihara, seseorang tidak akan terjebak dengan sifat duniawi yang sementara. Malah, dapat mencegah insan daripada tersesat dalam perjalanan menuju kehidupan ukhrawi. Seiring dengan pandangan ini, Jalal (2020) menegaskan bahawa elemen kerohanian yang merangkumi keimanan dan ketakwaan, berperanan penting dalam mengawal dalaman diri individu serta menyumbang kepada kebaikan dalam kehidupan manusia. Ditambah pula, dengan penghayatan yang mendalam, elemen ini dapat membantu membendung permasalahan yang berlaku pada masa ini (Hassan & Hamzah, 2020).

Perkara ini turut ditekankan oleh Khosim (2023) dengan menyatakan bahawa elemen ini membantu menyuntik kekuatan dalam diri insan bagi peningkatan potensi dan keupayaan diri. Ketiadaan elemen ini dan kegagalan untuk menerapkannya dalam diri akan membawa kepada masalah sosial yang merebak menjadi barah dalam masyarakat Abdullah et al. (2015). Bahkan, tanpanya hati akan mati dan akhirnya mengakibatkan kehilangan nilai keinsanan (Idris et al., 2019).

Berdasarkan pernyataan yang dinyatakan, jelaslah bahawa elemen keimanan dan ketakwaan memiliki kepentingan yang membantu dalam pembangunan diri seseorang insan. Kepentingannya dapat dilihat sebagai asas utama dalam PI, tunggak utama dalam mendepani kehidupan masa kini, membantu perubahan tingkat pembangunan dan yang terakhir membantu memelihara diri daripada kemusnahan. Dengan memahami kepentingannya dan dipraktikkan dalam kehidupan, akan membantu seseorang itu menggapai kecemerlangan bukan sahaja di dunia ini, malah di akhirat kelak. Perkara ini ditekankan oleh Nursi (2013a) dengan menjelaskan bahawa saat beriman dan bertakwa seseorang hamba-Nya, nescaya insan itu telah diberikan kedudukan yang tinggi dalam kalangan sekalian makhluk dan telah beroleh kemenangan.

### **Analisis Penerapan Elemen Keimanan dan Ketakwaan dalam Diri Said Nursi**

Dalam subtopik sebelum ini, telah dibincangkan tentang kepentingan penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam PI. Manakala, subtopik ini pula memfokuskan kepada analisis penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam pembangunan diri Said Nursi. Penerapan elemen ini dapat dilihat menerusi empat fasa utama dalam kehidupan beliau, iaitu pemilihan pasangan hidup, penerapan seawal usia, pengukuhan melalui ilmu pengetahuan dan

memperkasa melalui perkongsian ilmu. Perbincangan terperinci tentang penerapan elemen-elemen ini adalah seperti berikut.

### **Fasa Satu: Pemilihan Pasangan Hidup**

Fasa pertama penerapan elemen keimanan dan ketakwaan bermula sebelum kelahiran Said Nursi, iaitu melalui pemilihan pasangan hidup yang menitikberatkan elemen tersebut dalam diri, sebagai bakal ibu bapa kepada beliau. Fasa ini merupakan fasa yang penting kerana kesannya kepada penerapan pada fasa yang seterusnya.

Said Nursi pernah menyebut bahawa didikan dan ilmu yang diterima daripada ibunya sentiasa segar dalam ingatan dan memberi pengaruh besar sepanjang kehidupannya (Nursi, 2013d). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ibunya berperanan besar dalam membentuk peribadi dirinya. Peranan ibu dalam pembentukan diri anak-anak amat besar sehingga Islam menekankan dalam pemilihan pasangan perlulah bersandarkan kepada agamanya. Perkara ini disebut dalam satu hadis sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

*“Wanita biasanya dinikahi kerana empat hal: kerana hartanya, kerana kedudukannya, kerana parasnya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu pilih karena agamanya (keIslamannya), sebab kalau tidak demikian, nescaya kamu akan merugi.”*

(Hadis Riwayat Bukhari: No: 5090)

Realitinya, kedua-dua ibu bapa Said Nursi amat menitikberatkan aspek kerohanian dalam kehidupan mereka (Khosim, 2023) yang menjadi asas penting dalam pembentukan peribadi beliau. Fasa pemilihan pasangan hidup ibu bapa Said Nursi, iaitu Mirza dan Nuriye, mencerminkan satu proses yang berasaskan nilai-nilai Islam, ketakwaan, dan akhlak yang mulia. Kisah pemilihan pasangan ini memberikan inspirasi dalam aspek pembangunan diri, khususnya dalam pembentukan peribadi yang berasaskan iman dan takwa.

Kedua ibu bapanya dikenali sebagai individu-individu yang beriman, menjaga hubungan dengan Allah SWT, dan memelihara amal ibadah yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT. Mereka juga merupakan insan yang menjaga sumber yang halal dan baik dalam pemakanan kerana perkara ini memberi kesan kepada pembentukan diri. Ibunya sebagai contoh, merupakan seorang yang menjaga ibadah, sentiasa dalam keadaan suci dan berwudhu' serta menjaga solat malamnya (Nursi, 2013d; Lathifah, 2017). Bapanya pula merupakan seorang ahli Sufi dan mengadakan pengajian ilmu agama yang selalu diadakan di rumah mereka dengan memanggil guru-guru (Nursi, 2013d; Vahide, 2005).

Dapat difahami di sini bahawa pemilihan pasangan hidup ibu bapa Said Nursi telah memberikan satu contoh teladan dalam membentuk keluarga yang harmoni dan dalam melahirkan generasi mendatang yang soleh dan solehah. Penekanan kepada aspek kerohanian pasangan akan membantu dalam membangun keluarga yang menekankan aspek ini sepanjang kehidupan, seterusnya diterapkan dalam diri anak-anak dan generasi-generasi mendatang.

### **Fasa Dua: Penerapan Seawal Usia**

Fasa kedua penerapan elemen keimanan dan ketakwaan ialah ketika seawal usia anak-anak. Abdullah et al. (2015) menekankan bahawa penerapan elemen kerohanian perlu dimulakan sejak awal usia bagi memastikan pembangunan diri yang kukuh dalam menghadapi cabaran

kehidupan. Proses penerapan pada peringkat usia ini juga penting kerana pada usia ini setiap ajaran akan mudah diterima dan diamalkan (Bakar & Rashid, 2014).

Realitinya, ibu bapa Said Nursi telah menerapkan elemen ini ketika di awal usianya. Namun secara formalnya, Said Nursi telah menerima pendidikan agama daripada abangnya, Abdullah dan mula mempelajari al-Quran pada tahun 1885M. Selama menuntut ilmu, beliau telah mempelajari pelbagai ilmu di serata tempat seperti di Madrasah Mulla Muhammad Amin Afandiy, Tag, Birmis, Nursyin Arwas, Madrasah Mir Hasan Wali, dan Wastan (Nursi, 2013d; Lathifah, 2017). Selain itu, beliau turut bermusafir ke Baghdad bagi menziarahi para ulama dengan hanya berjalan kaki siang dan malam menyusuri gunung dan hutan belantara (Nursi, 2013d). Bahkan, beliau sempat menimba ilmu daripada al-Kufrawiy, yang menjadi guru terakhirnya kerana tidak lama selepas itu, al-Kufrawiy telah meninggal dunia (Nursi, 2013d).

Dalam usia yang masih muda, Said Nursi telah menguasai pelbagai bidang ilmu antaranya menghafal al-Quran, menguasai ilmu tauhid, fiqh, dan pidato, malah turut menghafal sebahagian besar *Kamus al-Muhit* dan beberapa kitab lain (Sulaiman, 1987). Selain itu, beliau juga turut mendalami ilmu Sains Moden dengan mengkaji buku-buku berkaitan Sejarah, Geografi, Sains, Matematik, Fizik, Kimia, Falsafah dan selainnya dalam tempoh masa yang singkat sewaktu di Wan dengan sendirinya tanpa pertolongan daripada sesiapa (Sulaiman, 1987).

### **Fasa Tiga: Pengukuhan Menerusi Ilmu Pengetahuan**

Fasa pengukuhan elemen keimanan dan ketakwaan dalam diri Said Nursi dicapai melalui usaha memperluas serta memperdalam ilmu pengetahuan, merangkumi bidang agama mahupun Sains Moden. Menurut Jalil (2014), elemen ini perlu sentiasa diperkukuh dengan ilmu yang memberikan manfaat praktikal dan rohani. Dalam fasa ini, Said Nursi menampilkan pendekatan komprehensif terhadap penguasaan ilmu, khususnya melalui integrasi antara ilmu naqli (berasaskan wahyu) dan 'aqli (berasaskan rasional).

Proses ini bertujuan memperkukuh keimanan dan ketakwaan yang telah dipupuk sejak kecil melalui didikan ibu bapa dan abangnya. Selepas beberapa tahun dibimbing di rumah, Said Nursi memulakan pengajian secara formal di dunia luar. Tidak hanya tertumpu di suatu tempat tertentu, namun merantau di serata tempat seperti di Tag, Birmis, Nursyin, Arwas, Madrasah Mir Hasan Wali, dan Wastan (Khosim, 2023; Nursi 2013d) daripada ulama-ulama terkemuka. Pengajiannya tidak terbatas kepada ilmu agama semata-mata, malah beliau turut mendalami Sains Moden. Integrasi ilmu naqli dan 'aqli ini menjadi tunjang dalam pendekatan pembelajaran beliau.

Pendekatan integrasi antara ilmu agama dan Sains Moden turut menjadi asas utama Said Nursi dalam mendidik pelajar-pelajarnya di Wan. Metod yang digunakan ini dilihat bersesuaian dengan mengambil kira keperluan situasi semasa (Nursi, 2013d). Pengintegrasian ini dapat dilihat ketika beliau mencadangkan ilmu-ilmu agama diajarkan di sekolah-sekolah moden, begitu juga sebaliknya ilmu-ilmu Sains Moden pula diajar di sekolah-sekolah agama (Sulaiman, 1987) bagi mengelakkan berlakunya ketaksuban dan melindungi pelajar daripada kekufuran. Pendekatan yang holistik ini bukan sahaja memenuhi keperluan semasa tetapi juga mencerminkan keprihatinan Said Nursi terhadap keseimbangan antara ilmu duniawi dan ukhrawi.

Said Nursi juga turut menyertai dunia politik dan menggunakan ilmunya untuk menyumbang idea serta pandangan semasa terlibat dalam bidang tersebut. Dalam berpolitik, elemen kerohanian diterapkan antaranya dengan membuktikan kebenaran al-Quran serta menjadikan al-Quran dan Islam sebagai panduan utama dalam sistem pemerintahan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyat pada ketika itu (Sulaiman, 1987). Dalam masa yang sama, beliau turut menentang segala ideologi yang menolak al-Quran dan menafikan kewujudan Allah SWT (Sulaiman, 1987).

#### **Fasa Empat: Memperkasa dengan Perkongsian Ilmu**


Fasa keempat melibatkan penerapan nilai-nilai keimanan dan ketakwaan melalui perkongsian ilmu kepada masyarakat sekeliling. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan keimanan dan ketakwaan dalam diri individu tetapi juga membantu insan lain memahami elemen-elemen tersebut dengan lebih baik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian dengan cara yang betul.

Sebagai contoh, penglibatan Said Nursi dalam bidang politik bertujuan untuk memperjuangkan penubuhan sebuah kerajaan berpelembagaan yang berasaskan Islam. Dalam perjuangannya, beliau masih tetap berpegang teguh dengan prinsip-prinsip Islam dan menolak segala bentuk kekejaman dan kezaliman (Sulaiman, 1987).

Selain itu, usaha Said Nursi juga terserlah melalui kefahamannya terhadap isi kandungan al-Quran. Beliau mengadakan kelas-kelas pengajian, menulis risalah berkaitan pentafsiran al-Quran dan menyampaikan ilmu walaupun dalam keadaan terasing serta menghadapi cabaran seperti penahanan di penjara. Walaupun berhadapan dengan situasi yang mengancam nyawanya daripada pelbagai pihak, beliau tetap berusaha menyempurnakan penulisan risalah-risalah ini dengan tujuan memperkukuh akidah serta mengajak masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Usaha gigih beliau ini akhirnya menghasilkan sebuah koleksi risalah yang dibukukan dan dikenali sebagai kitab *Kulliyat Rasa'il Al-Nur* (Sulaiman, 1987). Melalui perkongsian ilmu ini, Said Nursi bukan sahaja menyampaikan kefahaman agama tetapi turut memperkasa masyarakat dengan memahami dan mengaplikasikan prinsip Islam dalam kehidupan mereka.

Dapat disimpulkan di sini menerusi perbincangan yang dinyatakan, penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam diri Said Nursi bermula sebelum lahirnya beliau ke dunia ini dengan penekanan pemilihan pasangan oleh ibu bapanya. Bahkan, penerapan terus kepada Said Nursi berlaku seawal usianya, dan berterusan dengan usaha beliau sendiri menerusi pengukuhan ilmu pengetahuan, dan diperkasa kepada peringkat seterusnya serta dalam ruang lingkup yang lebih luas, iaitu dengan perkongsian ilmu. Fasa-fasa penerapan elemen keimanan dan ketakwaan dalam diri Said Nursi ini dapat difahami seperti dalam Rajah 1 di bawah.





**Rajah 1: Fasa-Fasa Penerapan Elemen Keimanan dan Ketakwaan dalam Diri Said Nursi**

### Kesimpulan

Keimanan dan ketakwaan sebagai asas kerohanian insan perlu sentiasa diterap, dipupuk, diperkemasi, dan dipertingkatkan melalui amalan yang digariskan oleh syariat. Pembangunan kerohanian ini memainkan peranan penting dalam pembentukan keperibadian murni serta membantu individu menghadapi ujian dan cabaran kehidupan lebih-lebih lagi di dunia yang penuh mencabar kini. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Said Nursi, elemen-elemen ini perlu diterapkan secara berperingkat dalam kehidupan individu, bermula dari pemilihan pasangan hidup, penerapan sejak usia muda, penguuhan melalui ilmu pengetahuan, sehingga pemeraksanaan dengan perkongsian ilmu kepada masyarakat. Dengan penerapan elemen keimanan dan ketakwaan yang konsisten, seseorang mampu mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi sebagaimana yang ditegaskan oleh Nursi (2013a): *“Saat seorang hamba beriman dan bertakwa, nescaya dia telah diberi kedudukan yang tinggi di kalangan sekalian makhluk dan beroleh kemenangan”*.

## Rujukan

- Abdullah, N. S. N., Maamor, S., Ghani, A. A., Wahab, N. A., Razimi, M. S. A., Aziz, A. B., & Elias, N. H. (2015). Kepentingan Elemen Kerohanian dalam Pelaksanaan Aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian Kes di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. <http://repo.uum.edu.my/21881/>
- Al-Ahdal, 'A. A. Q. (2023). Al-Iman Istilahan wa Asaruhu Sulukan. Diakses pada: 26 Ogos 2024. [http://موقع الروضة الإسلامي \(al-rawdah.net\)](http://موقع الروضة الإسلامي (al-rawdah.net))
- Al-Qusayyir, 'A. A. S. (2016). Ta'rif al-Iman bi Allah Lughatan wa Istilahan. Diakses pada: 26 Ogos 2024. [http://تعريف الإيمان بالله لغة واصطلاحا \(alukah.net\)](http://تعريف الإيمان بالله لغة واصطلاحا (alukah.net))
- Bakar, N. H., & Rashid, A. M. (2014). Membangunkan Penghayatan Agama di Kalangan Kanak-Kanak: Analisis Pandangan Abdullah Nasih Ulwan. Dalam *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*. 17-18 November 2014. 93-103. <http://Kertas Kerja Cadangan Bagi Melaksanakan Bengkel Pembinaan Prosedur Iso Serta Visi, Misi dan Objektif>.
- Hamzah, M. S. (2012). Konsep Perekayasaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutub: Analisis Terhadap *Fi Zilal Al-Quran*. Tesis Doktort Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Idris, M., Zakaria, W. F. A. W., Long, A. S. & Salleh, N. (2019). Pembangunan Modal Insan (PMI) dari Perspektif Islam. *Journal of Management and Operation Research (JoMOR)*, 1(2). 1-12.
- Jalal, B. (2020). *Pembinaan Nilai Kerohanian Penting*. Berita Harian, 29 Maz 1993. [http://\(3\) \(PDF\) Pembinaan Nilai Kerohanian Penting \(researchgate.net\)](http://(3) (PDF) Pembinaan Nilai Kerohanian Penting (researchgate.net))
- Jalil, F. R. A. (2014). Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Imam Fakhr Al-Din Al-Razi. Dalam *Al-Nafs Wa Al-Ruh Wa Sharh Quwahuma: Satu Cadangan Penyelidikan*. Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2014. 231-237.
- Khosim, N. (2023). Konsep Pembangunan Insan Berteraskan Nilai Mahabbah Berdasarkan Kitab *Kulliyat Rasa'il al-Nur* Karangan Badi' Al-Zaman Sa'id al-Nursiy. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam: Universiti Sains Malaysia.
- Lathifah, Farikhatul. (2017). Pemikiran Taqarrub Badiuzzaman Said Nursi: Studi Analisis Kitab Risalah An-Nur. Tesis Sarjana. Fakultas Ushuluddin dan Humaniora: Universitas Islam Negeri Walisongo.
- Mohamad, N. S. & Ahmad, S. (2013). *Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awal*. Johor Bahru: Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1.
- Nursi, B. S. (2013a). *Al-Kalimat*. Terj: Al-Salihi, I. Q. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013b). *Al-Maktubat*. Terj: Al-Salihi, I. Q. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013c). *Isyarat al-I'jaz*. Terj: Al-Salihi, I. Q. Kaherah: Sozler Publications.
- Nursi, B. S. (2013d). *Sirat al-Dhatiyat*. Terj: Al-Salihi, I. Q. Kaherah: Sozler Publications.
- Sulaiman, W. J. W. (1987). *Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi*. Ankara: Ihlas Nur Nesriyat.
- Hasan, W. H. W., & Hamzah, M. I. (2020). Pendidikan Kerohanian Untuk Membina Kemampanan Identiti Remaja Muslim. Dalam *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. 24 & 25 November 2020. 482-492. [http://047\\_ID150\\_Pendidikan\\_Kerohanian\\_Untuk\\_Membina\\_Kemampanan\\_Identiti\\_Remaja Muslim.pdf](http://047_ID150_Pendidikan_Kerohanian_Untuk_Membina_Kemampanan_Identiti_Remaja_Muslim.pdf)
- Vahide, Sukran. (2005). *Islam in Modern Turkey: An Intellectual Biography of Bediuzzaman Said Nursi*. Albany: State University of New York Press.